

TARIKH : 6 MEI 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 23
SURAT

Ekonomi Malaysia dijangka atasi prestasi negara setara

Selasa, 6 Mei 2025

Bisnes

23

Ekonomi Malaysia dijangka atasi prestasi negara setara

Kelebihan daya saing, kredibiliti dasar bantu hadapi cabaran

Ekonomi Malaysia dijangka kekal kukuh dan mengatasi prestasi negara setaranya walaupun ketidakpastian global yang semakin meningkat didorong oleh ketegangan perdagangan, kata Moody's Ratings.

Naib Presiden dan Pegawai Kanan Kredit Moody's Martin Petch, berkata walaupun pertumbuhan global berkemungkinan perlahan, ekonomi Malaysia yang pelbagai, kelebihan daya saing dan kredibiliti dasar akan membantu mengurangkan kesan tersebut.

"Kita berada dalam situasi yang agak tidak menentu. Impak (dari) yang kami lihat adalah penurunan pelaburan dan permintaan pengguna serta peningkatan dalam pasaran kewangan

turun naik dalam pasaran kewangan," katanya menerusi satu temu bual baru-baru ini.

Bagaimanapun, Malaysia berpeluang mendapat manfaat daripada peralihan dalam pelaburan langsung asing (FDI) apabila syarikat menyesuaikan diri dengan corak perdagangan baharu global.

"Dari segi potensi, Malaysia adalah salah satu ekonomi yang boleh menarik lebih banyak pelaburan, memandangkan kadar tarifnya yang agak rendah berbanding negara lain di rantau ini," katanya.

Meskipun paras hutang tinggi

dan asas cukai kecil menghadkan fleksibiliti fiskal, Petch berkata inflasi Malaysia kekal terkawal seterusnya menyediakan ruang bagi pelonggaran monetari sekiranya perlu.

"Prestasi inflasi Malaysia sangat baik. Inflasi kembali turun kepada sekitar 2.0 peratus, jadi terdapat skop bagi Bank Negara Malaysia (BNM) untuk melongarkan dasar bagi menyokong pertumbuhan," katanya.

Petch berkata, kestabilan politik sejak beberapa tahun lalu juga telah mengukuhkan keyakinan pelabur, dan memberi amaran sekiranya keadaan politik kembali

tidak menentu ia boleh menjejaskan aliran pelaburan dan permintaan domestik.

Ekonomi kekal kukuh

Mengulas mengenai langkah terbaharu Amerika Syarikat (AS) untuk mengenakan tarif ke atas panel solar Malaysia, Petch berkata kesan serta-merta berkemungkinan terhadap sektor khusus.

"Jika Malaysia mempunyai kelebihan perbandingan, terdapat skop untuk peralihan pasaran bagi mengurangkan kesannya," katanya.

Secara keseluruhannya, Moody's menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia kekal kukuh berbanding negara setaranya, walaupun ketegangan perdagangan global boleh menjejaskan prospek yang lebih meluas.

"Malaysia menyerlah berdasarkan kekuatan ekonominya. Kepelbagaian dan daya tahan ekonomi negara akan membantunya mengharungi cabaran pada masa hadapan," kata Petch.

BERNAMA

OPR boleh diturunkan: Penganalisis

Penurunan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pernah berlaku di tengah-tengah kemuncak ketidakpastian perkembangan luaran, momentum pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang menyederhana dan kadar inflasi yang terkawal, demikian menurut penganalisis.

Maybank Investment Bank (Maybank IB) dalam satu nota penyelidikan berkata, selain Krisis Kewangan Global pada 2008-2009 dan Krisis COVID-19 pada 2020, Bank Negara Malaysia (BNM) pernah menurunkan kadar faedah dua kali semasa ekonomi tidak meleset iaitu pada Julai 2016 dan Mei 2019.

"Dalam kedua-dua keadaan, OPR diturunkan sebanyak 25 mata asas daripada 3.25 peratus kepada 3.00 peratus, disusuli oleh beberapa siri pemberhentian dalam mesyuarat berikutnya," kata bank pelaburan itu.

Maybank IB berkata, pada Julai 2016, pemotongan OPR berlaku tidak lama selepas referendum Brexit, apabila majoriti mengundi supaya United Kingdom (UK) meninggalkan Kesatuan Eropah (EU).

Kita berada dalam situasi yang agak tidak menentu. Impak utama yang kami lihat adalah penurunan pelaburan dan permintaan pengguna serta peningkatan turun naik dalam pasaran kewangan

Martin Petch,
Naib Presiden dan Pegawai Kanan Kredit Moody's

